

18 JAN 2002
MIKRO-BAYAR/I
SISTEM MUDAH PUNGUT BAYARAN BAGI DOTCOM DILANCARKAN

JITRA, 18 Jan (Bernama) -- Syarikat-syarikat Internet yang bergelut untuk terus beroperasi disebabkan oleh kesukaran memungut hasil daripada pengguna kini mempunyai pilihan untuk menyelesaikan masalah mereka.

IQ Card Services Sdn Bhd (IQ Card), sebuah syarikat sekutu Rhythm Consolited Bhd (Rhythm), menawarkan sistem pembayaran mikro yang menggunakan kad pintar dan pembaca untuk membantu syarikat-syarikat dotcom, bukan sahaja untuk memungut hasil malah juga untuk memasarkan perkhidmatan mereka melalui pewujudan masyarakat elektronik yang besar.

Pengerusi eksekutif Rhythm Group, Ahmad Redza Ahmad Khairudin berkata, tujuannya ialah supaya lama kelamaan dapat diwujudkan lembah digital gergasi di mana syarikat-syarikat Internet boleh menyumbang kandungan serta sama-sama mewujudkan dan berkongsi pangkalan data pengguna manakala IQ Card menyediakan prasarana pembayaran.

Inisiatif perintis yang dianggap sebagai "Yang Pertama di Malaysia" ini telah dilancarkan oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Pendidikan Masyarakat Kubang Pasu, di sini hari ini.

Untuk memulakan program ini, IQ Card berganding bahu dengan Schooltoyou Sdn Bhd untuk menyediakan kandungan pendidikan melalui Internet daripada www.schooltoyou.com dengan kemudahan pembayaran melalui kad pintar.

Ahmad Redza berkata: "Pada masa ini, banyak syarikat Internet memberikan kandungan masing-masing secara percuma kerana cara memungut jumlah yang kecil seperti 20, 30 atau 50 sen pada masa ini tidak praktikal melalui kad kredit," katanya.

Pilihan pembayaran jumlah kecil yang disediakan oleh IQ Card membolehkan orang ramai termasuk pelajar-pelajar yang mungkin tidak memiliki kad kredit untuk membayar bagi kandungan Internet apabila mereka melayarinya di kafe siber, kelab sekolah, balai raya ataupun di rumah.

Pada masa ini, pemegang-pemegang IQ Smart Card boleh menambah nilai e-tunai mereka melalui mesin pembaca kad di Kedai Pembekal Buku dan Alat Tulis Rhythm yang terletak di bandar-bandar utama di negara ini dan di kedai peniaga-peniaga yang mengambil bahagian.

"Kami juga akan melancarkan pembaca PC yang ditujukan kepada pengguna-pengguna di rumah," kata Ahmad Redza.

Katanya, perkongsian IQ Card dengan Schooltoyou Sdn Bhd amat tepat pada masanya kerana portal pendidikan www.schooltoyou.com memberi tumpuan kepada usaha menyediakan perkhidmatan penilaian yang ditujukan kepada pelajar dengan mengenakan bayaran yuran pengguna yang rendah.

Beliau juga percaya bahawa penyertaan Rhythm dalam kegiatan e-pembayaran boleh membantu memberi tenaga kepada industri Internet di Malaysia.

"Lama kelamaan, bilangan syarikat dotcom yang memilih untuk menyertai lembah digital yang besar ini akan meluas dan mempertingkatkan lagi peranan Rhythm dalam menggalakkan pendidikan melalui Internet dan menyumbang kepada pembangunan k-ekonomi," katanya. -- BERNAMA

MNH FR KY OS